



28 Disember 2018  
28 December 2018  
P.U. (A) 364

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM,  
PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN  
HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM  
(PENGUNAAN BAHAGIAN IV) (PINDAAN) 2018

*ANTI-MONEY LAUNDERING, ANTI-TERRORISM  
FINANCING AND PROCEEDS OF UNLAWFUL ACTIVITIES  
(INVOCATION OF PART IV) (AMENDMENT) ORDER 2018*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN  
KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001

PERINTAH PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN  
KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM (PENGUNAAN BAHAGIAN IV)  
(PINDAAN) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 8(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [*Akta 613*], Menteri Kewangan, atas syor pihak berkuasa berwibawa yang juga pihak berkuasa pengawasan yang berkaitan bagi institusi pelapor yang menjalankan aktiviti yang berikut:

- (a) aktiviti yang dijalankan oleh bank berlesen dan bank pelaburan berlesen sebagaimana yang ditakrifkan atau diperuntukkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*]; dan
- (b) aktiviti yang dijalankan oleh bank Islam berlesen dan bank Islam antarabangsa berlesen sebagaimana yang ditakrifkan atau diperuntukkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*],

membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (Penggunaan Bahagian IV) (Pindaan) 2018**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

**Pindaan perenggan 3**

2. Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Penggunaan Bahagian IV) 2006 [*P.U. (A) 293/2006*], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini dipinda dalam subperenggan 3(2) dengan memotong subsubperenggan (*d*).

**Penggantian perenggan 5**

3. Perintah itu dipinda dengan menggantikan perenggan 5 dengan perenggan yang berikut:

**“Penggunaan perenggan 14(1)(a)**

5. Peruntukan perenggan 14(1)(a) Akta hendaklah digunakan berkenaan dengan institusi pelapor yang berikut:

(a) bank berlesen dan bank pelaburan berlesen sebagaimana yang ditakrifkan atau diperuntukkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*]; dan

(b) bank Islam berlesen dan bank Islam antarabangsa berlesen sebagaimana yang ditakrifkan atau diperuntukkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*].”.

Disyorkan 19 Disember 2018

DATUK NOR SHAMSIAH MOHD YUNUS  
*Pihak Berkuasa Berwibawa*

Dibuat 19 Disember 2018  
[MOF.SID(S)700-1/2/2 (SK.1); BNM.JUN.1125/3603; PN(PU2)622/XXVI]

LIM GUAN ENG  
*Menteri Kewangan*

ANTI-MONEY LAUNDERING, ANTI-TERRORISM FINANCING AND  
PROCEEDS OF UNLAWFUL ACTIVITIES ACT 2001

ANTI-MONEY LAUNDERING, ANTI-TERRORISM FINANCING AND PROCEEDS OF  
UNLAWFUL ACTIVITIES (INVOCATION OF PART IV) (AMENDMENT) ORDER 2018

IN exercise of the powers conferred by subsection 8(1) of the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 [*Act 613*], the Minister of Finance, upon the recommendation of the competent authority which is also the relevant supervisory authority of the reporting institutions that carry on the following activities:

- (a) activities carried out by a licensed bank and a licensed investment bank as defined or provided in the Financial Services Act 2013 [*Act 758*]; and
- (b) activities carried out by a licensed Islamic bank and a licensed international Islamic bank as defined or provided in the Islamic Financial Services Act 2013 [*Act 759*],

makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities (Invocation of Part IV) (Amendment) Order 2018**.

(2) This Order comes into operation on 1 January 2019.

**Amendment of paragraph 3**

2. The Anti-Money Laundering (Invocation of Part IV) Order 2006 [*P.U. (A) 293/2006*], which is referred to as the “principal Order” in this Order, is amended in subparagraph 3(2) by deleting subsubparagraph (d).

**Substitution of paragraph 5**

3. The principal Order is amended by substituting paragraph 5 with the following paragraph:

**“Invocation of paragraph 14(1)(a)**

5. The provision of paragraph 14(1)(a) of the Act shall be invoked in respect of the following reporting institutions:

- (a) licensed banks and licensed investment banks as defined or provided in the Financial Services Act 2013 [Act 758]; and
- (b) licensed Islamic banks and licensed international Islamic banks as defined or provided in the Islamic Financial Services Act 2013 [Act 759].”.

Recommended 19 December 2018

DATUK NOR SHAMSIAH MOHD YUNUS  
*Competent Authority*

Made 19 December 2018  
[MOF.SID(S)700-1/2/2 (SK.1); BNM.JUN.1125/3603; PN(PU2)622/XXVI]

LIM GUAN ENG  
*Minister of Finance*